

14 OCT 1999

Stewart-Mahathir/

STEWART PUJI DR MAHATHIR KERANA BAWA KEJOHANAN F1 KE M'SIA

KUALA LUMPUR, 14 Okt (Bernama) -- Bekas juara Formula One Jackie Stewart memuji Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana berjaya membawa kejohanan F1 ke Malaysia.

Beliau juga kagum dengan pengetahuan Perdana Menteri yang mendalam mengenai F1.

Stewart yang dikenali sebagai "The Flying Scot," berkata Grand Prix F1 Petronas Malaysia 1999 akan lebih menonjolkan rantau Asia Pasifik sebagai tempat bagi kejohanan itu yang kebanyakannya berlangsung di negara-negara Barat.

"Sepanjang pertemuan yang dirancang selama 20 minit bersama Perdana Menteri yang berlanjutan sehingga kira-kira satu setengah jam, saya terpujau dengan pengetahuan beliau yang luas mengenai F1 dan kesungguhan beliau membawa kejohanan itu ke Malaysia," katanya.

Stewart berkata Dr Mahathir berpendapat bahawa dengan menjadi tuan rumah kepada perlumbaan itu, Malaysia mampu menarik penonton antarabangsa pada masa idea itu tidak langsung terlintas di fikiran orang lain.

Pengerusi eksekutif pasukan Stewart Ford itu berkata demikian semasa majlis jamuan anjuran HSBC Bank Malaysia Bhd bagi meraikan dua pelumba pasukan itu, Johnny Herbert dan Rubens Barrichello.

Kumpulan HSBC Holdings plc ialah kumpulan bukan teknikal terbesar yang menaja pasukan F1.

Stewart yang memenangi kejuaraan F1 sebanyak tiga kali iaitu pada 1969, 1971 dan 1973, telah memandu dalam 99 perlumbaan Grand Prix dengan mencatat 27 kemenangan.

Nama beliau telah dimasukkan dalam International Motorsports Hall of Fame pada 1990.

Tawaran Malaysia menjadi tuan rumah F1 bermula dengan penajaan Petronas bagi pasukan Sauber dari Switzerland tiga tahun lepas.

Malaysia memenangi tawaran itu berikutan perbincangan antara Dr Mahathir dan presiden Persatuan Pengeluar F1 (FOCA) Bernie Ecclestone di Lisbon, Portugal pada September 1996.

Selepas perbincangan itu, Malaysia mula membina sirkit Sepang yang canggih bernilai RM286 juta yang mempunyai trek sepanjang 5.542 km dan dianggap terbaik di dunia.

F1, perlumbaan kedua terakhir dalam kalendar kejohanan tahun ini, sudah pasti meletakkan Malaysia di peta sukan dunia dan memberikannya kelebihan di peringkat antarabangsa.

Kira-kira 700 stesen televisyen dijangka membuat liputan pada perlumbaan tiga hari bermula esok yang dijangka ditonton oleh 500 juta melalui televisyen di 260 negara.

-- BERNAMA

MR LAT MAI